

TS
464

KESEDARAN TERHADAP KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJAAN DI KALANGAN PENSYARAH
KOLEJ PROFESIONAL MARA

SYIRIN HANIM BINTI JALIS

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
IBU PEJABAT MARA

KESEDARAN TERHADAP KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN DI
KALANGAN PENSYARAH KOLEJ PROFESIONAL MARA

SYIRIN HANIM BINTI JALIS

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH PERNIAGAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

2010

Control No:	000 454
Accession No.:	400 464
LA No.:	TS .S95 2010

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

2 Oktober 2010
JALIS

SYIRIN HANIM BINTI

ZP00237

PENGHARGAAN

Saya memanjatkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana atas izinNya jua saya diberi kesihatan yang cukup, masa dan kesempatan untuk menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Zafir Khan bin Mohd Makhbul kerana dengan pertolongan dan tunjuk ajar beliau saya dapat menyiapkan kertas projek semester akhir ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga kepada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) kerana telah menaja pengajian saya selama 2 tahun ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak GSB atas segala bantuan dan perkhidmatan yang diberikan.

Terima kasih diucapkan kepada rakan-rakan pensyarah dari KPM Ayer Molek dan KPM Bandar Melaka yang telah sudi membantu saya menyiapkan kertas projek ini. Tanpa bantuan mereka dan kesudian menjawab soa-selidik yang diedarkan, susah untuk saya menyiapkan projek semester akhir ini.

Akhir kata, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian saya ini. Semoga jasa tuan-tuan semua diberkati dan dirahmati oleh Allah S.W.T.

ABSTRAK

Kajian ini dibuat adalah bertujuan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pensyarah-pensyarah Kolej Profesional MARA terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Responden adalah terdiri daripada 70 orang pensyarah yang bertugas di KPM Ayer Molek dan KPM Bandar Melaka sahaja. Untuk menjalankan kajian ini, kaedah soal-selidik telah digunakan sebagai sumber mendapatkan data bagi tujuan penyelidikan. Data yang telah diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratusan dan min untuk mengenalpasti tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan. Pekali Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hubungan antara faktor demografi dan tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan. Menerusi kajian yang dibuat, di dapati pensyarah KPM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan dimana mencatatkan min skor keseluruhan sebanyak 4.19. Faktor-faktor kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan yang dikaji ialah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, polisi, prosedur, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, latihan dan komitmen dan sikap. Penilaian terhadap faktor-faktor dominan dalam mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pula menunjukkan bahawa faktor polisi keselamatan, prosedur keselamatan dan juga komitmen dan sikap merupakan faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan. Seterusnya kajian yang telah di buat ini tidak menunjukkan bahawa faktor demografi boleh mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja sama ada melalui hubungan secara langsung atau tidak langsung. Ini adalah kerana berdasarkan ujian yang dibuat, faktor-faktor yang diuji mencatatkan aras hubungan pada kadar <0.20 dan $0.20 - 0.40$ sahaja iaitu membawa maksud hubungan itu kabur atau kurang jelas. Akhirnya, kajian ini mendapati untuk meningkatkan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan seharusnya pihak pentadbiran KPM dan MARA perlulah menambahkan program latihan, memperbanyakkan kempen-kempen dan promosi kesedaran tentang keselamatan dan kesihatan, mengadakan program-program keselamatan dan kesihatan secara berterusan dan berkala.

ABSTRACT

This study is conducted for the purpose of determining the level of awareness among KPM lecturer towards occupational safety and health at a workplace. The respondents comprised of 70 lecturers from KPM Ayer Molek and KPM Bandar Melaka only. Questionnaires were used to collect data for this study. Data collected were analyzed descriptively based on frequency, percentage and mean in order to determine the level of awareness of the respondents towards safety and health. The Pearson Correlation was used to examine the relationship between demographic factors and respondents' awareness towards safety and health. Through this study, results showed that KPM's lecturer had a high level of awareness of occupational safety and health based on the overall mean score of 4.19. Factors of awareness towards occupational safety and health that were studied were OSHA, policy, procedure, safety and health committees, training and commitment. Further evaluation towards dominant factors that can influenced the level of awareness of KPM lecturer with regards to safety and health were policy, procedure and commitment. Furthermore, findings also showed that demographic factors did not influence the level of awareness, whether directly or indirectly. According to the study, the factors that were analyzed recorded a level of relationship of <0.20 and $0.20 - 0.40$ only which is a weak correlation. Finally, this study concludes that in order to raise the level of awareness towards occupational safety and health, KPM's administration and MARA should increase the number of training programs, safety and health campaign or promotion, offer continuous safety and health program.

KANDUNGAN

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI ILUSTRASI	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Matlamat Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Latar Belakang Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Konseptual dan Operasional	8
1.8.1 Kesedaran	8
1.8.2 Keselamatan	8
1.8.3 Tempat Kerja	9

1.8.4	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	9
1.8.5	Polisi Keselamatan	10
1.8.6	Prosedur Keselamatan	10
1.8.7	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	10
1.8.8	Latihan keselamatan	10
1.8.9	Sikap dan Komitmen	11

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	12
2.2	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994	14
2.3	Proses Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	16
2.4	Pengukuran Tahap Keselamatan	17
2.4.1	Aspek Pengurusan Keselamatan	17
	2.4.1.1 Polisi Keselamatan	17
	2.4.1.2 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	17
	2.4.1.3 Latihan Keselamatan	18
2.5	Kajian Lepas	18
2.6	Rumusan	21

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Model Kajian	23

3.4	Persampelan	23
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	24
3.5.1	Data Primer	24
3.5.1.1	Soal-selidik	24
3.6	Kaedah Penganalisisan Data	26
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	28
4.2	Latar Belakang Responden	28
4.2.1	Jantina	29
4.2.2	Keturunan	29
4.2.3	Umur	29
4.2.4	Status	30
4.2.5	Taraf Pendidikan	31
4.2.6	Tempoh Perkhidmatan	31
4.3	Faktor-faktor yang menentukan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan	32
4.3.1	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	32
4.3.2	Polisi Keselamatan	33
4.3.3	Prosedur Keselamatan	35
4.3.4	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	36
4.3.5	Latihan	37
4.3.6	Komitmen dan Sikap	39
4.3.7	Tahap Kesedaran	40

4.4	Tahap Kesedaran Keseluruhan Terhadap Keselamatan dan Kesihatan	41
4.5	Hubungan Antara Faktor Demografi dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	42
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pengenalan	49
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	50
5.2.1	Tahap Kesedaran Pensyarah KPM Terhadap Keselamatan dan Kesihatan	50
5.2.1.1	Penilaian Tahap Kesedaran Pensyarah Terhadap Keselamatan dan Kesihatan secara umum	50
5.2.1.3	Rumusan Analisis Objektif Pertama	53
5.2.2	Faktor-faktor Dominan Yang Mempengaruhi Tahap Kesedaran Pensyarah KPM Dalam Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	54
5.2.3	Hubungan Antara Faktor-faktor Demografi Dan Tahap Kesedaran Pensyarah KPM Terhadap Keselamatan dan Kesihatan.	55
	Rumusan	56
	Cadangan	57
5.4.1	Cadangan Kepada Organisasi	57

5.3	5.4.2	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	60
5.4		Rujukan	62

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Taburan Item bagi soal-selidik kajian kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan	25
3.2	Pemarkatan Item-Item Skala Liker	25
3.3	Keputusan Kajian Rintis	26
3.4	Nilai Min Skor bagi menentukan Tahap Kesedaran Pensyarah Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	26
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	29
4.2	Taburan Responden Mengikut Keturunan	29
4.3	Taburan Responden Mengikut Umur	30
4.4	Taburan Responden Mengikut Status	30
4.5	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	31
4.6	Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan	31
4.7	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap AKKP 1994	33
4.8	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Polisi Keselamatan	34
4.9	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Prosedur Keselamatan	35
4.10	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan	37

4.11	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Latihan	38
4.12	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Komitmen dan Sikap	39
4.13	Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Tahap Kesedaran Keselamatan dan Kesihatan	40
4.14	Min Skor Bagi Setiap Item Kesedaran Pensyarah KPM terhadap Keselamatan dan Kesihatan	41
4.15	Hubungan Antara Faktor Jantina Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	43
4.16	Hubungan Antara Faktor Umur Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	43
4.17	Hubungan Antara Faktor Tempoh Perkhidmatan Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	4
4.18	Hubungan Antara Faktor Tempat Bertugas Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	44

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
2.1	Model Pengurusan Keselamatan	13
2.2	Model Pengurusan Kesihatan	15
3.3	Model Kajian	22

Hak Milik MARA

SENARAI SINGKATAN

AKJ	Akta Kilang dan Jentera 1967
AKKP	Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994
ILO	Pertubuhan Buruh Antarabangsa
IPMA	Institusi Pengajian Tinggi MARA
JKKKP	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
KPM	Kolej Profesional MARA
MARA	Majlis Amanah Rakyat
NIOSH	Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial

SENARAI LAMPIRAN

No.	Tajuk	Halaman
Lampiran 1	Soal-Selidik Kajian	

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Keselamatan dan kesihatan adalah aspek yang paling penting dalam kehidupan seseorang pekerja. Pekerja yang sihat dapat menjamin mutu kerja yang baik dan berkualiti. Isu keselamatan dan kesihatan ini dahulunya tertumpu kepada pekerjaan-pekerjaan yang berisiko tinggi seperti perindustrian, perlombongan, pembinaan dan lain-lain lagi seperti yang tertakluk dalam Akta Kilang dan Jentera, 1967 (AKJ 1967). Disebabkan oleh beberapa kelemahan didalamnya, satu akta baru diwujudkan pada 1994 iaitu Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994).

Mengikut AKKP 1994 yang telah digubal pada 25 Februari 1994 yang bertujuan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua orang ditempat kerja dimana ianya berasaskan kepada konsep sendiri dengan tanggungjawab utama bagi memastikan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja terhadap orang yang mewujudkan risiko dan bekerja dengan risiko.

AKKP juga menyediakan satu badan penasihat dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Badan penasihat ini dikenali sebagai Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Majlis ini dianggotai oleh wakil dari pihak majikan, pekerja dan kerajaan yang diwakili oleh JKPP. Segala perundingan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan akan dibincangkan diperingkat ini sebelum dibentangkan diperingkat yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya AKKP 1994 merupakan tulang belakang bagi peraturan untuk memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja adalah dalam keadaan yang memuaskan dan ianya juga adalah kayu pengukur bagi standard yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja. Ianya juga dapat memastikan majikan dan pekerja harus bekerjasama dalam memastikan tahap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Risiko kemalangan yang terdapat didalam AKKP 1994 ini merangkumi kemalangan yang disedari dan juga kemalangan yang tidak disedari. Golongan pekerja mempunyai risiko yang tinggi untuk mendapat kemalangan dan penyakit kerana mereka terdedah kepada bahaya di tempat kerja. Sememangnya kita tidak boleh menghalang sekiranya terjadi risiko kemalangan ditempat kerja tetapi dengan usaha untuk memberi kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini diharapkan kita dapat mengurangkan risikonya. Disinilah majikan memainkan peranan yang penting untuk memberi garis panduan yang lengkap dalam mencegah kemalangan di tempat kerja dan memastikan persekitaran yang sihat untuk bekerja. Perkara ini juga disokong oleh Goetsch (2005) yang menyatakan bahawa persekitaran kerja yang selamat dan sihat mampu meningkatkan daya saing yang berterusan kepada sesebuah organisasi. Pekerja pula haruslah memberikan kerjasama dalam mengelakkan kemalangan di tempat kerja dari berlaku.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO 2000) dimana terdapat lebih dari 1.2 pekerja yang dinafikan haknya terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Bersandarkan kepada statistik tersebut, dilaporkan terdapat lebih 100,000 kemalangan berlaku di tempat kerja setiap bulan, 3000 lebih dalam sehari bersamaan 2 kecelakaan dalam seminit(Lee 2000).

Di Malaysia situasi ini semakin dianggap serius berbanding suatu ketika dulu semasa isu ini jarang diperkatakan orang. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh PERKESO,

iaitu dari tahun 2003 sehingga 2007 menunjukkan terdapat sedikit penurunan kes iaitu dari 73,858 kepada 56,339 di mana sumber didapati daripada (Laporan Tahunan PERKESO 2007) Manakala kemalangan maut ditempat kerja yang diperolehi dari statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP 2010) terdapat 243 kes yang dilaporkan dari tahun 2007 sehingga Julai 2010.

Isu keselamatan dan kesihatan pekerja ini sudah tidak boleh dianggap perkara remeh lagi dikalangan pekerja dewasa ini. Langkah pencegahan perlulah dikuatkuasakan supaya perkara yang tidak diingini tidak berlaku di tempat kerja. Sekiranya langkah pencegahan tidak diberi perhatian yang serius, kemungkinan kes kematian di tempat kerja akan terus meningkat dari sehari ke sehari. Perkara ini boleh membawa kepada masalah yang lebih besar merangkumi aspek ekonomi, sosial dan moral pekerja.

Walau bagaimanapun, sekiranya majikan dan pekerja tidak bekerjasama dalam memastikan keselamatan dan kesihatan terjamin, segala usaha akan menjadi sia-sia. Pekerja berperanan untuk mematuhi segala peraturan, arahan dan langkah tentang keselamatan dan kesihatan yang diperkenalkan oleh pihak majikan mereka. Manakala majikan bertanggungjawab menguatkuasakan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan memastikan pekerja faham dan mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang telah digubal

Berdasarkan perkara yang dibincangkan di atas, penyelidik ingin membuat kajian terhadap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pensyarah di Kolej Profesional MARA. Kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan ini sangat penting bagi mengurangkan risiko kemalangan ditempat kerja. Oleh itu kajian akan dilakukan terhadap pensyarah Kolej Profesional MARA Ayer Molek, Bandar Melaka dan Beranang. Aspek yang akan dikaji adalah tahap kesedaran dan faktor-faktor

yang menyumbang kepada kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Ab. Aziz (2006) keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah merupakan salah satu aktiviti pengurusan sumber manusia yang penting berperanan untuk memberi perlindungan kepada pekerja daripada kecederaan dan kemalangan semasa menjalankan kerja. Untuk mencegah daripada kemalangan berlaku, majikan dan pekerja perlulah menjalankan tanggungjawab mereka seperti yang telah diperuntukkan didalam peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pekerja mestilah berhati-hati semasa menjalankan tugas seharian bagi mengelakkan dari kecederaan berlaku, majikan pula perlu memastikan persekitaran pekerjaan adalah selamat dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Inilah salah satu sebab utama mengapa AKKP 1994 diperkenalkan kepada majikan dan pekerja di Malaysia oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kedua-dua aspek keselamatan dan kesihatan ini sangat penting kepada semua organisasi dalam mengurangkan risiko kecederaan ditempat kerja. Risiko lain yang mungkin ditanggung oleh majikan juga termasuklah kos-kos langsung dan kos yang tidak langsung. Kos langsung majikan termasuklah kos rawatan di klinik atau hospital, kehilangan pekerja dan pembayaran pampasan. Manakala kos tidak langsung pula kemungkinan besar kejadian kemalangan ditempat kerja boleh menurunkan kadar produktiviti dan moral pekerja dan seterusnya boleh mendatangkan kerugian kepada organisasi.

Isu keselamatan dan kesihatan ini bukan sahaja berlaku didalam industri-industri yang bersifat komersil seperti perusahaan, perindustrian dan pembinaan tetapi merangkumi juga Institusi Pengajian Tinggi MARA (IPMA) seperti Kolej Profesional MARA (KPM).

Seperti yang telah dikuatkuasakan oleh AKKP 1994 di mana semua agensi kerajaan wajib mengadakan garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Menerusi temubual di antara penyelidik dan rakan sekerja di dapati hanya 2 daripada 20 orang mengetahui tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam organisasi ini. Tambahan lagi hasil temubual pengkaji dengan Penolong Pegawai Tadbir Kanan KPM Bandar Melaka, En Mohd Faris menyatakan mulai pengajian semester Januari – Julai 2011 mereka diminta untuk mengosongkan bangunan yang mereka duduki kini kerana tidak selamat. Ini adalah hasil dari lawatan pihak Jabatan Kerja Raya Melaka Tengah ke KPM Bandar Melaka pada bulan Julai yang lalu. Realitinya mereka sepatutnya sudah lama berpindah kerana kampus Ayer Molek telah siap di bina tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu, operasi di Bandar Melaka masih diteruskan sehingga kini. Walaupun begitu, masih tiada pekeliling dikeluarkan bagi proses pemindahan mereka sehingga hari ini. Disebabkan masalah-masalah di atas, pengkaji merasakan kajian ini wajar dijalankan untuk mengenalpasti tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di KPM.

Sehubungan dengan itu, persoalan kajian ini adalah menjurus kepada persoalan berikut:

- i. Apakah tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan?
- ii. Apakah faktor-faktor utama yang menyumbang kepada tahap kesedaran pensyarah KPM dalam aspek keselamatan dan kesihatan?
- iii. Apakah hubungan diantara faktor-faktor demografi dan tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan?
- iv. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk meningkatkan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan?

1.3 Matlamat kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di mana dapat dijadikan panduan kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai majikan dalam merangka program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang lebih efektif kepada kakitangannya.

1.4 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian di atas, beberapa objektif kajian telah dikenalpasti. Antaranya:

- i. Mengenalpasti tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- ii. Menentukan faktor-faktor utama yang mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah KPM dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- iii. Melihat hubungan antara faktor-faktor demografi dan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- iv. Mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1.5 Skop kajian

Kajian ini merupakan kajian terhadap pensyarah yang bertugas di KPM merangkumi semua jabatan yang terdapat di tiga buah KPM iaitu, Ayer Molek, Bandar Melaka dan Beranang. Responden yang terlibat adalah seramai 70 orang yang terdiri daripada kalangan pensyarah sahaja. Walaupun kajian dijalankan adalah berpandukan AKKP 1994 tetapi fokus kajian hanya tertumpu kepada aspek keselamatan pekerja sahaja.

1.6 Latar Belakang Tempat Kajian

Kajian adalah merupakan satu kajian kes terhadap pensyarah yang bertugas di Kolej Profesional MARA (KPM) iaitu sebuah Insititusi Pengajian Tinggi MARA (IPMA) yang ditadbir oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA). KPM mempunyai 6 cawangan iaitu di Ayer Molek, dan Bandar Melaka, Melaka Bandar Penawar, Johor, Beranang, Selangor, Seri Iskandar, Perak dan Indera Mahkota, Pahang. Walau bagaimanapun kajian ini hanya dijalankan ke atas pensyarah-pensyarah di dua cawangan sahaja iaitu, Bandar Melaka dan Ayer Molek, Melaka.

1.7 Batasan kajian

Kajian ini hanya menggambarkan tahap kesedaran pensyarah terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan di organisasi yang dikaji sahaja iaitu KPM Ayer Molek dan Bandar Melaka. Oleh itu, hasil dapatan daripada kajian ini tidak boleh digeneralisasikan terhadap KPM dan IPMA yang lain kerana terdapat perbezaan dari aspek visi, misi dan objektif IPMA tersebut selain perbezaan budaya, sikap dan persekitaran yang mampu untuk mempengaruhi tahap kesedaran staf akademik sesebuah IPMA terhadap keselamatan pekerja.

Responden bagi kajian ini hanya terdiri daripada pensyarah di KPM, Ayer Molek dan Bandar Melaka sahaja. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan disebabkan kajian hanya dilakukan ke atas staf akademik sahaja dan bukan staf pentadbiran. Ia juga tidak mewakili semua cawangan KPM yang ada kerana kajian hanya dilakukan di dua cawangan sahaja. Ini adalah disebabkan oleh faktor kekangan masa dimana sukar untuk penyelidik menjalankan penyelidikan di empat cawangan KPM yang lain.

Selain dari itu, ketepatan dan kesahihan kajian hanya berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh responden melalui borang soal-selidik yang diedarkan. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian ini adalah amat bergantung kepada kejujuran dan keihklasan responden dalam menjawab setiap soalan yang dikemukakan.

1.8 Definisi Konseptual dan Operasional

1.8.1 Kesedaran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) kesedaran bermaksud perihal keadaan sedar akan sesuatu, keinsafan dan ingatan. Manakala menurut *The Concise Oxford Dictionary* sedar bermaksud bukan jahil dan mempunyai pengetahuan juga serba tahu.

Sementara itu kesedaran keselamatan seperti yang dinyatakan oleh *National Safety Council* (1991) adalah bermakna keupayaan mengenalpasti keadaan dan amalan yang tidak selamat di kawasan bekerja, belajar cara-cara untuk bekerja dengan selamat, bekerja dengan selamat pada setiap hari serta setiap bahagian pekerjaan, mempunyai sikap yang betul tentang keselamatan dan tahu cara untuk menangani kecemasan dengan pantas dan berkesan.

Jadi, untuk kajian ini kesedaran keselamatan bolehlah ditakrifkan sebagai pengetahuan dan sikap pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1.8.2 Keselamatan

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) pula keselamatan bermaksud keadaan selamat atau keamanan.

Keselamatan di tempat kerja adalah satu konsep dimana majikan dan pekerja perlu memahaminya sebelum sesuatu tindakan diambil. Kesedaran kepada keselamatan mestilah ditekankan di setiap peringkat proses kerja dan juga di setiap tingkat pengurusan (Alex Yong 2007).

Untuk itu, mengikut konteks kajian ini keselamatan bolehlah ditakrifkan sebagai persekitaran yang selamat dan aman dari sebarang kemalangan dan kecederaan semasa melakukan proses kerja tidak kira di peringkat pekerja bawahan atau pengurusan atasan.

1.8.3 Tempat kerja

Menurut Ramlan (1997) tempat kerja adalah merupakan lokasi atau tempat dimana aktiviti pekerjaan dijalankan.

Justeru itu, dalam konteks kajian ini tempat kerja adalah premis atau lokasi dimana pensyarah KPM menjalankan tugas seharian seperti bilik darjah, makmal komputer malah perpustakaan.

1.8.4 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Umum mengetahui bahawa akta ini ditubuhkan bagi memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang yang bekerja supaya tidak berada dalam keadaan berisiko tinggi daripada berlakunya kemalangan. Bagi konteks kajian ini, penyelidik ingin melihat sejauhmana kesedaran pensyarah KPM tentang kewujudan akta ini setelah lebih 10 tahun dikuatkuasakan.

1.8.5 Polisi Keselamatan

Polisi keselamatan adalah pernyataan bertulis organisasi berkenaan peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan bagi organisasi di mana ianya hendaklah di bingkai dan di gantung di tempat-tempat yang boleh di lihat oleh semua pekerja. Dalam kajian ini, penyelidik ingin melihat tahap kesedaran pensyarah kepada polisi keselamatan yang ada di KPM.

1.8.6 Prosedur Keselamatan

Faktor prosedur keselamatan adalah faktor yang ingin di kaji oleh penyelidik bagi kajian ini di mana ianya merupakan langkah-langkah keselamatan yang perlu di ambil oleh pekerja untuk mengelakkan kemalangan berlaku dalam organisasi.

1.8.7 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKKP)

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah jawatankuasa yang dibentuk di dalam organisasi yang bertanggungjawab untuk melaksanakan semua program dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan. JKKKP juga bertanggungjawab untuk mendidik pekerja dalam mengutamakan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di dalam organisasi. Untuk itu, bagi kajian ini pengkaji ingin melihat sejauhmana JKKKP di KPM memberi kesedaran kepada pensyarah tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

1.8.8 Latihan Keselamatan

Latihan keselamatan merangkumi latihan kebakaran, latihan pertolongan cemas dan juga program-program seminar yang berkaitan keselamatan dan kesihatan di mana ia dapat

membantu meningkatkan tahap kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan dalam organisasi. Bagi kajian ini, penyelidik ingin melihat sama ada latihan keselamatan dapat meningkatkan kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan.

1.8.9 Sikap dan Komitmen

Sikap merupakan nilai kecenderungan yang ada kepada seseorang sama ada ianya positif atau negative dan komitmen pula adalah keazaman seseorang dalam melakukan sesuatu kerja. Untuk kajian ini, ianya boleh didefinisikan sebagai kecenderungan dan keazaman seseorang dalam meningkatkan kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan sejarah perkembangan isu keselamatan dan kesihatan di Malaysia, Akta keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP 1994), konsep keselamatan dan kesihatan dan kajian-kajian lepas

2.2 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah dikuatkuasakan pada 24 Februari yang menggariskan panduan asas untuk menguruskan isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan (Garis Panduan AKKP 1994). Tujuannya ialah untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja terhadap risiko keselamatan dan kesihatan yang mungkin berpunca daripada proses kerja yang dilakukan oleh mereka. Akta ini juga bertujuan untuk melindungi semua orang di tempat kerja. Menurut Anuar, Zahedi, Kadir dan Mokhtar (2009), AKKP 1994 bermatlamat untuk melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja serta memastikan mereka yang berada di dalam lingkungan tempat bekerja dapat mematuhi dan melaksanakan aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan dengan berkesan.

AKKP 1994 juga memperuntukkan kewajipan am majikan, pengilang, bekerja sendiri, perekabentuk, pengimport dan pembekal. Akta ini juga memperuntukkan perlantikan pegawai-pegawai keselamatan, penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa keselamatan,

pembentukan polisi dan penyusunan langkah-langkah untuk keselamatan dalam melindungi keselamatan dan kesihatan pekerja, penguatkuasaan dan penyiasatan serta liabiliti kesalahan.


Menurut Zafir dan Fazilah (2003) aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan mempunyai lima kepentingan yang utama iaitu:

- i. Mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh majikan terutamanya bil-bil perubatan pekerja.
- ii. Mengelakkan tuntutan daripada pihak-pihak tertentu seperti kerajaan kerana pelanggaran Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- iii. Persekitaran yang selamat dan sihat juga dapat memotivasikan pekerja dalam melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan.
- iv. Peningkatan aspek keselamatan dan kesihatan juga merupakan usaha organisasi ke arah pelaksanaan tanggungjawab sosial
- v. Sehubungan dengan tanggungjawab sosial, imej organisasi juga dapat ditingkatkan kesan usaha organisasi ke arah meningkatkan keselamatan dan kesihatan dalam organisasi.

Aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan suatu pendekatan yang mengkaji hubungan antara pekerjaan, kesihatan dan keselamatan serta kesan sesuatu pekerjaan terhadap pekerja. Aktiviti ini menyediakan maklumat mengenai tanggungjawab pekerja dan pengurus dan membangunkan persekitaran yang selamat. Matlamat aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan ialah untuk memastikan pengurus memikul tanggungjawab secara aktif dalam mengurus keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ia juga membantu majikan untuk membangunkan sistem keselamatan yang selari dengan matlamat organisasi yang ditetapkan.

2.3 Proses Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Mondy dan Noe (1993) dalam memperkatakan proses pengurusan keselamatan dan kesihatan, kita boleh menggunakan dua model rujukan iaitu Model Proses Pengurusan Keselamatan dan Model Proses Pengurusan Kesihatan Pekerja.



Rajah 2.1: Model Pengurusan Keselamatan

Sumber: Mondy R.W dan Noe R.M (1993). "Human Resource Management."
Edisi Ke-5, Boston: Allyn and Bacon

Dengan menggunakan Model Pengurusan Keselamatan yang dianjurkan oleh Mondy dan Noe ini boleh menjadi garis panduan untuk majikan dan penyelidik menyentuh elemen-elemen yang diperlukan oleh sesebuah organisasi dalam melaksanakan dasar dan program keselamatan pekerjaan.

Menurut Mondy dan Noe (1993) terdapat empat tahap dalam Model Pengurusan Keselamatan dimana **tahap pertama**, pihak pengurusan mesti menentukan dasar program keselamatan yang diperlukan. Ianya bergantung kepada jenis dan saiz perniagaan yang terbabit serta bajet yang ada.


Di **tahap kedua**, dasar yang dibuat perlulah direalisasikan ke bentuk program-program keselamatan. Dasar ini boleh dicapai melalui dua kaedah iaitu:

- i. Organisasi perlu mewujudkan persekitaran psikologikal dan sikap yang menggalakkan keselamatan di kalangan pekerja. Di sini semua pekerja perlu berfikir tentang keselamatan dan mengamalkan langkah-langkah keselamatan yang digariskan majikan.
- ii. Organisasi boleh membentuk dan mengekalkan suatu persekitaran kerja yang selamat. Di sini, persekitaran fizikal pekerjaan dibentuk (atau direka bentuk) untuk mengelak berlakunya kemalangan. Contohnya mesin yang dipasang telah siap dengan alat-alat keselamatan.

Di **tahap ketiga**, siasatan kemalangan perlu dibuat. Organisasi yang berpengalaman akan menyedari bahawa kemalangan boleh berlaku walaupun dalam organisasi yang cukup peka dengan aspek kemalangan. Setiap kemalangan perlu dinilai untuk memastikan ia tidak berulang. Pegawai keselamatan dan kesihatan akan menyiasat sesuatu kemalangan secara bersama.

Pada **tahap keempat**, sesuatu program keselamatan perlulah dinilai oleh pihak pengurusan. Kadar kekerapan atau frekuensi dan kadar *severity* merupakan dua indikator statistik yang sering digunakan dalam menilai program keselamatan di Amerika Syarikat.

Seterusnya Rajah 2.2 pula menunjukkan Model Pengurusan Kesihatan Pekerjaan yang telah diperkenalkan oleh Anton (dalam Mondy dan Noe, 1993). Melalui model ini proses pengurusan kesihatan pekerja boleh dibahagikan kepada tiga peringkat yang utama iaitu:



Rajah 2.3: Model Pengurusan Kesihatan Pekerjaan

Sumber: Mondy, R.W dan Noe, R.M. (1993). "Human Resource Management."

Edisi Ke – 5, Boston: Allyn and Bacon

Untuk **peringkat yang pertama**, pihak pengurusan firma perlu mengiktiraf kewujudan masalah stress dan tekanan dalam firma. Ianya mungkin dalam bentuk kimia, fizikal, biologikal dan juga ergonomik.

Di **peringkat kedua** pula, pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dan wakil firma perlu membuat penilaian sama ada masalah terbabit serius atau tidak. Sekiranya serius, langkah yang seterusnya perlu diambil untuk memastikan masalah tersebut tidak akan berlarutan.

Dalam **peringkat yang ketiga** iaitu yang terakhir, perlulah ada aktiviti kawalan yang dijalankan oleh firma. Kaedah-kaedah yang biasa dilakukan mengikut Mondy dan Noe (1993) ialah penjagaan kebersihan tempat kerja, pengudaraan yang baik, program latihan dan pendidikan untuk menyokong kawalan-kawalan kejuteraan dan lain-lain lagi.

2.4 Pengukuran Tahap Keselamatan

2.4.1 Aspek Pengurusan Keselamatan

Menurut kajian yang dilakukan oleh Syed M. Ahmad et.al (2002) ke atas pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Hong Kong, tahap keselamatan boleh diukur dengan melihat kepada polisi keselamatan, jawatankuasa keselamatan, latihan keselamatan, penyiasatan keselamatan, penyiasatan kemalangan, prosedur kecemasan dan peralatan perlindungan diri.

2.4.1.1 Polisi Keselamatan

AKKP 1994 telah memperuntukkan bahawa setiap majikan dan orang yang bekerja sendiri diwajibkan untuk menyediakan dasar keselamatan dan kesihatan bertulis dan ianya perlu dihebahkan untuk semua pekerja-pekerja mereka. Majikan juga bertanggungjawab untuk menguatkuasakan dasar yang ditulis kepada semua pekerja-pekerja mereka.

Mengikut AKKP 1994 setiap majikan diwajibkan menyediakan dan mengemaskini polisi keselamatan firma. Ianya mengandungi dokumen yang membantu majikan bagi mematuhi undang-undang keselamatan dan memberikan senarai tanggungjawab untuk majikan dan pekerja.

2.4.1.2 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan

Menurut Fong (2000) menyatakan bahawa jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dapat membantu dalam meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan di kalangan majikan dan pekerja.

Menurut garis panduan AKKP 1994, setiap majikan hendaklah menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan sekiranya terdapat 40 orang atau lebih bekerja di bawahnya.

2.4.1.3 Latihan Keselamatan

Seksyen 15(2)(c), AKKP 1994 menyatakan pengadaaan maklumat, arahan, latihan dan penyediaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan dan kesihatan pekerja yang sedang bekerja. Davies dan Tomasin (1996) menyatakan latihan keselamatan yang berkesan akan dapat meningkatkan pengurusan keselamatan seseorang.

2.5 Kajian lepas

Kajian mengenai tahap kesedaran pekerja terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan merupakan isu baru yang dikaji semasa ini. Oleh kerana itu, bahagian ini akan cuba membentangkan secara terperinci hasil kajian-kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik yang terdahulu. Oleh yang demikian, penyelidik cuba memperincikan kajian-kajian dalam dan luar negara yang bersesuaian dengan tajuk kajian.

Anuar, Zahedi, Kadir dan Mokhtar (2009) dalam kajiannya yang dijalankan dalam mengenalpasti tahap pengetahuan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja di makmal perubatan di Lembah Kelang mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kesedaran di kalangan pekerja makmal perubatan terhadap isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan masih lagi rendah. Ini berikutan daripada kurangnya pendedahan dan promosi membudayakan keselamatan dan kesihatan dikalangan pekerja makmal oleh pihak majikan dan agensi yang berkaitan. Jadi, penyelidik menyarankan agar penerangan dan promosi berkaitan keselamatan dan kesihatan harus diberikan

kepada pekerja makmal agar dapat meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap isu keselamatan dan kesihatan di organisasi masing-masing.

Sementara itu, menurut Rampal, Mohd Nizam, Zulfa Azlin dan Noor Hassim (2004) telah menjalankan satu kajian untuk mengetahui tahap kesedaran dan pengetahuan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja selepas 10 tahun AKKP 1994 diperkenalkan. Daripada tinjauan yang dilakukan, didapati kurang daripada dua pertiga responden mengetahui atau pernah mendengar mengenai AKKP 1994. Kajian ini juga menunjukkan bahawa promosi tentang keselamatan dan kesihatan adalah perlu untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja.

Seterusnya kajian yang dilaksanakan oleh JKKP (2000) yang bertujuan untuk mengukur tahap keselamatan berdasarkan AKKP 1994 dan AKJ 1967 telah dijalankan secara rawak ke atas 42 tapak bina dan perindustrian di Johor. Didapati jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah sangat diperlukan bagi memainkan peranan dan tanggungjawab keselamatan dan kesihatan disamping itu ia juga untuk memastikan wujudnya kemajuan yang berterusan didalam menangani isu keselamatan pekerjaan.

Harper dan Koehn (1998) dalam kajiannya ke atas pengurusan keselamatan tapak bina di Southeast, Texas telah menjelaskan bahawa kecelakaan yang melibatkan kecederaan atau kematian dalam industri pembinaan dapat diselia dengan mengadakan program pengurusan keselamatan yang efektif. Kajian ini juga mendapati latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja dapat meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan. Penglibatan pekerja secara langsung dalam jawatankuasa keselamatan dan kesihatan dapat meningkatkan tanggungjawab dan semangat bekerja.

Sementara itu, Pierce (1998) mendapati bahawa majikan perlu mengutamakan keselamatan didalam sesebuah organisasi, oleh itu jawatankuasa keselamatan terdiri

daripada pekerja-pekerja dan wakil majikan diperlukan untuk memperbaiki dan menyedarkan pekerja tentang program keselamatan.

Menurut Musonda dan John (2008) dalam kajian yang dilakukan ke atas kontraktor di 40 tapak pembinaan yang aktif di Botswana mendapati tahap kesedaran di tapak binaan masih rendah dimana majoriti pekerja di tapak binaan tidak menggunakan alatan keselamatan yang dianjurkan oleh majikan mereka. Didapati juga majoriti pekerja di tapak binaan kurang pengetahuan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Prosedur keselamatan juga menjadi satu kepentingan dalam meningkatkan kesedaran kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja.

Ramlan (1997) dalam kajiannya yang bertajuk "Latihan dalam bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Pekerjaan" menunjukkan antara faktor individu, persekitaran, penyeliaan dan program latihan yang mempengaruhi kesedaran keselamatan. Pengkaji mendapati pihak organisasi yang kerap menyebarkan dasar dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja secara konsisten boleh meningkatkan kesedaran keselamatan pekerjaan kepada mereka.

Anton (1989) mendapati penyelia adalah merupakan orang yang menghubungkan antara pekerja dan majikan yang boleh membentuk sikap positif pekerja terhadap keselamatan. Oleh kerana itu, seseorang penyelia seharusnya menunjukkan penerimaan terhadap program keselamatan oleh pengurusan atasan. Ini dapat mendorong pekerja menerima segala program keselamatan yang telah disediakan oleh pihak pengurusan atasan atas penerimaan penyelia mereka.

Akhir sekali, menurut Hu, Lee, Shio dan Guo (1998) dalam kajiannya keatas majikan dalam usaha mengetahui tahap kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Taiwan mendapati kebanyakan majikan industri kecil kurang kesedaran

terhadap keselamatan dan kesihatan berbanding majikan di dalam industri besar. Majoriti daripada majikan hanya menumpukan kepada tanggungjawab menyediakan peralatan keselamatan kepada pekerja mereka tetapi tidak kepada tanggungjawab untuk mencegah dan mengurangkan kecelakaan di tempat kerja. Kajian ini menganjurkan dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan untuk industri kecil adalah penting untuk mendedahkan keselamatan dan kesihatan pekerja di negara ini.

2.6 Rumusan

Berdasarkan perbincangan literatur dan kajian-kajian lepas, dapatlah dirumuskan bahawa aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah merupakan faktor terpenting yang menjamin keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Berlanjutan daripada itu, kita juga mendapati bahawa pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah merupakan tugas penting dan berat yang terpaksa dipikul oleh organisasi ini. Ini merupakan cabaran untuk setiap organisasi di Malaysia dalam memastikan setiap dasar keselamatan dan kesihatan yang dibuat dapat melindungi pekerja mereka dari kecelakaan di tempat kerja. Jadi, untuk menjayakan dasar yang dibuat, aspek kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan hendaklah sentiasa diutamakan oleh organisasi yang ini berjaya dan berkemajuan.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan kaedah-kaedah yang digunakan untuk penyelidik dalam menjalankan kajian ini. Melalui bab ini penjelasan meliputi reka bentuk kajian, model kajian, pensampelan, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu tinjauan terhadap pensyarah KPM berhubung kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Tinjauan persepsi ini hanya dijalankan di KPM Ayer Molek dan KPM Bandar Melaka sahaja. Kajian ini melibatkan instrumen pengumpulan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah-pensyarah yang bertugas di KPM Ayer Molek dan KPM Bandar Melaka sahaja. Persepsi adalah dilihat dari aspek pengetahuan, kefahaman, pendapat, penerimaan dan kesedaran responden terhadap aspek kajian. Soal selidik ini diedarkan selepas kajian rintis dijalankan oleh penyelidik.

3.3 Model Kajian



3.4 Persampelan

Sampel bagi kajian ini adalah terdiri daripada pensyarah di KPM Ayer Molek dan Bandar Melaka. Responden bagi kajian ini terdiri daripada 70 orang dan dipilih melalui persampelan tidak rawak jenis sampel bertujuan iaitu penyelidikan dengan sengaja memilih sampel dengan tujuan mendapatkan jumlah sampel yang mewakili populasi (Blum et.al 1986).

3.5 Kaedah Pengumpulan Data

Penyelidik telah memilih sumber data primer bagi mendapatkan data bagi kajian ini. Ini adalah kerana sumber data primer adalah lebih sesuai untuk jenis kajian yang dibuat oleh penyelidik.

3.5.1 Data Primer

Data primer adalah data yang diperolehi daripada sumber utama (responden) daripada soal-selidik yang diedarkan dan dianalisis.

3.5.1.1 Soal Selidik

Bagi tujuan kajian ini, penyelidik telah menyediakan satu set soal selidik yang telah dibina dengan menggunakan Garis panduan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 yang bertujuan untuk melihat kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja.

Soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A soal selidik ini diperuntukkan untuk mengetahui latar belakang responden dan Bahagian B pula digunakan untuk meneliti persepsi responden terhadap dasar/polisi keselamatan di tempat kerja, prosedur/peraturan keselamatan di tempat kerja, latihan keselamatan, jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan komitmen serta sikap. Ringkasan keterangan mengenai soalan-soalan dalam soal selidik ini disenaraikan dalam Jadual 3.1.

Jadual 3.1: Taburan Item bagi Soal Selidik Kajian Kesedaran Pensyarah KPM terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Bhgn	Aspek Penilaian	Bil. Item Soalan	Nombor Soalan
A	Latar belakang responden	8	1-8
B	1.AKKP 1994	5	9-13
	2.Polisi Keselamatan	5	14-18
	3.Prosedur Keselamatan	5	19-23
	4.JKKP	4	24-27
	5.Latihan	5	28-32
	6.Komitmen dan Sikap	5	33-37

Soal selidik ini menggunakan dua kaedah penentuan tindak balas daripada responden iaitu dengan menggunakan soalan jenis objektif dan juga pemarkatan lima peringkat mengikut Skala Likert. Ringkasan pemarkatan seperti dalam Jadual 3.2

Jadual 3.2: Pemarkatan Item-Item Skala Likert

Skala	Penerangan Jawapan
1	Sangat Tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat Setuju

Selain daripada itu bagi memastikan kebolehpercayaan terhadap set soal selidik yang disediakan, maka satu kajian rintis telah dijalankan dikalangan pensyarah di KPM. Responden yang terlibat dalam kajian rintis adalah seramai 10 orang. Hasil analisis dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan bagi aspek penilaian dalam set soal selidik adalah seperti dalam Jadual 3.3 di bawah. Justeru itu, hasil analisis

data kajian rintis ini menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan set soal selidik adalah pada tahap tinggi.

Jadual 3.3: Keputusan Kajian Rintis

	Faktor	Cronbach Alpha
1	AKKP 1994	0.941
2	Polisi Keselamatan	0.941
3	Prosedur Keselamatan	1.000
4	JKKKP	1.000
5	Latihan	0.930
6	Komitmen dan Sikap	1.000
	KESELURUHAN	0.942

3.6 Kaedah Penganalisan Data

Data kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) for MS Windows Release 16.0*. Seterusnya data yang diperolehi diolah dengan menggunakan jadual kekerapan dan peratusan. Kaedah analisis deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan adalah digunakan bagi menjelaskan demografi responden dan terhadap soalan-soalan yang mempunyai pilihan jawapan, manakala data berkaitan dengan pendapat dan cadangan dianalisis secara kualitatif. Ringkasannya adalah seperti dalam Jadual 3.4

Jadual 3.4: Nilai Min Skor bagi menentukan Tahap Kesedaran Pensyarah terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Kod Kumpulan	Julat Min Skor	Tahap Keselarian
1	3.68 – 5.00	Tinggi
2	2.34 – 3.67	Sederhana

3	1.00 – 2.33	Rendah
---	-------------	--------

Sumber: Jawatankuasa Pembangunan Diri Pelajar, UTM (1999/2000)

Selain daripada itu, ujian-t dan ANOVA sehala telah digunakan untuk mengukur hubungan antara faktor demografi dan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan. Ujian-t digunakan untuk melihat perbezaan yang signifikan di antara jantina iaitu di antara responden lelaki dan perempuan. Manakala ANOVA sehala untuk melihat hubungan yang signifikan antara umur, tempoh perkhidmatan dan tempat berkhidmat dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini mengemukakan hasil analisis data yang diperolehi daripada soal selidik kajian kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan pekerjaan. Sebanyak 70 borang soal selidik telah diedarkan dan kesemuanya telah dikembalikan kepada penyelidik. Jadi, analisis telah dibuat ke atas 70 orang responden yang terdiri daripada pensyarah KPM di Ayer Molek dan Bandar Melaka sahaja.

Analisis data telah dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu data demografi, AKKP 1994, polisi, prosedur, JKKK, latihan dan komitmen dan sikap. Kaedah analisis deskriptif yang digunakan adalah kekerapan, peratusan dan min bagi menjelaskan hasil dapatan kajian yang diperolehi.

4.2 Latar Belakang Responden

Item bagi maklumat demografi responden termasuklah jantina, keturunan, umur, status, pendapatan, taraf pendidikan, tempoh perkhidmatan dan tempat bertugas. Profil bagi setiap item dianalisis dalam bentuk jadual seperti berikut;

4.2.1 Jantina

Jadual 4.1 dibawah menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan responden mengikut jantina. Hasil daripada analisis yang telah dibuat didapati seramai 17 orang atau 24.3% responden terdiri daripada lelaki dan seramai 53 orang atau 75.7% responden terdiri daripada perempuan.

4.1: Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan Responden	Peratus (%)
Lelaki	17	24.3
Perempuan	53	75.7
Jumlah	70	100

4.2.2 Keturunan

Seperti yang dilihat dalam jadual 4.2 dibawah didapati semua responden seramai 70 orang atau 100% adalah terdiri daripada kaum melayu sahaja.

4.2: Taburan Responden Mengikut Keturunan

Keturunan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Melayu	70	100
Jumlah	70	100

4.2.3 Umur

Seperti yang tertera didalam jadual 4.2 dibawah, majoriti responden adalah berumur diantara 31 ke 40 tahun iaitu mewakili 41.4% daripada jumlah responden. Seramai 18 orang responden adalah berumur di antara 26 ke 30 tahun iaitu 25.7% diikuti oleh

responden yang berumur di bawah 25 tahun iaitu seramai 12 orang (17.1%). Ahir sekali adalah responden yang berumur 41 tahun ke atas mewakili 15.7% (11 orang).

4.3: Taburan Responden Mengikut Umur

Umur	Bilangan Responden	Peratus (%)
Bawah 25 tahun	12	17.1
26 – 30 tahun	18	25.7
31 – 40 tahun	29	41.4
41 tahun ke atas	11	15.7
Jumlah	70	100

4.2.4 Status

Berdasarkan jadual 4.4 di bawah, jelas dapat dilihat bahawa majoriti responden yang terlibat adalah telah berkahwin iaitu mewakili 75.7% daripada kesemua 70 responden yang terlibat. Dan selebihnya seramai 17 orang atau 24.3% responden berstatus bujang.

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Status

Status	Bilangan Responden	Peratus (%)
Bujang	17	24.3
Berkahwin	53	75.7
Lain-lain	Nil	Nil
Jumlah	70	100

4.2.5 Taraf pendidikan

Mengikut apa yang tertera di dalam jadual 4.5 di bawah, seramai 62 orang responden mewakili 88.65% adalah berpendidikan ijazah dan selebihnya seramai 8 orang (11.4%) di peringkat sarjana.

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan

Taraf Pendidikan	Bilangan Responden	Peratus (%)
Ijazah	62	88.6
Sarjana	8	11.4
Jumlah	70	100

4.2.6 Tempoh Perkhidmatan di KPM

Seperti yang dapat dilihat dalam jadual 4.6 dibawah, majoriti responden adalah mereka yang berkhidmat di bawah 3 tahun seramai 27 orang mewakili 38.6%, diikuti dengan responden yang berkhidmat di antara 4 ke 10 tahun seramai 23 orang (32.9%). Ini bermaksud kebanyakan pensyarah di kedua-dua kolej, majoritinya berkhidmat di bawah 10 tahun. Dikuti pula dengan responden yang berkhidmat di antara 11 hingga 20 tahun seramai 17 orang iaitu 24.3% dan diakhiri dengan responden yang berkhidmat melebihi 21 tahun seramai 3 orang (4.3%).

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Tempoh Perkhidmatan

Taraf Berkhidmat	Bilangan Responden	Peratus (%)
Bawah 3 tahun	27	38.6

4 – 10 tahun	23	32.9
11 – 20 tahun	17	24.3
21 tahun ke atas	3	4.3
Jumlah	70	100

4.3 Faktor-faktor yang menentukan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap Keselamatan dan Kesihatan

Bahagian ini menerangkan faktor-faktor yang menentukan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan. Faktor-faktor yang terlibat termasuklah aspek AKKP, polisi keselamatan, prosedur keselamatan, JKKKP, latihan dan komitmen dan sikap.

4.3.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994

Jadual 4.7 menunjukkan taburan kekerapan dan peratus persepsi responden terhadap AKKP 1994. Kajian ini mendapati bahawa kesedaran responden terhadap AKKP adalah tinggi dan ia ditunjukkan melalui skor min keseluruhan iaitu 4.41. Ianya dapat dibuktikan apabila seramai 65 orang (92.9%) responden sedar dengan kewujudan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994. Seterusnya seramai 67 orang (95.7%) responden bersetuju bahawa AKKP 1994 bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua orang ditempat kerja. Manakala seramai 55 orang (78.6%) bersetuju dengan kenyataan bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan adalah pihak yang bertanggungjawab menguatkuasakan akta ini. Berikutnya pula, seramai 66 orang (94.3%) responden setuju bahawa majikan dan pekerja sama-sama bertanggungjawab mematuhi AKKP 1994. Akhirnya seramai 68 orang (94.3%) bersetuju bahawa majikan adalah individu yang bertanggungjawab menguatkuasakan akta ini ditempat kerja.

Jadual 4.7: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap AKKP 1994.

Bil	Item Soalan		STS	TS	TP	S	SS	MIN /SP
9	Saya sedar kewujudan AKKP 1994	(k)	-	-	5	31	34	4.37
		%	-	-	7.1	44.3	48.6	0.62
10	Akta ini bertujuan untuk memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan semua orang di tempat kerja	(k)	-	-	3	31	36	4.47
		%	-	-	4.3	44.3	51.4	0.58
11	JKKP adalah pihak yang bertanggungjawab menguatkuasakan akta ini.	(k)	-	-	15	24	31	4.23
		%	-	-	21.4	34.3	44.3	0.78
12	Majikan dan pekerja sama-sama bertanggungjawab mematuhi AKKP 1994.	(k)	-	-	4	32	34	4.43
		%	-	-	5.7	45.7	48.6	0.60
13	Majikan bertanggungjawab menguatkuasakan akta ini di tempat kerja.	(k)	-	-	2	27	41	4.56
		%	-	-	2.9	38.6	58.6	0.56
MIN KESELURUHAN								4.41
								0.53

4.3.2 Polisi Keselamatan

Jadual 4.8 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi responden terhadap prosedur keselamatan. Menerusi jadual tersebut jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran responden terhadap prosedur keselamatan adalah tinggi. Ini kerana min skor keseluruhan yang diperolehi daripada item-item soalan bagi faktor ini adalah 4.69.

Analisis menunjukkan bahawa masing-masing seramai 66 orang (94.3%) dan 70 orang (100%) mengetahui bahawa setiap organisasi perlu ada polisi keselamatan pekerjaan dan ianya perlulah dimaklumkan kepada semua pekerja. Seterusnya kesemua responden (100%) bersetuju bahawa dasar keselamatan perlulah jelas dan difahami oleh semua pekerja. Ini menunjukkan majoriti pensyarah mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap polisi keselamatan. Manakala 69 orang (98.5%) menyatakan persetujuan bahawa polisi keselamatan perlu ditampal di tempat-tempat yang mudah dilihat oleh pekerja.

Jadual 4.8: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Polisi Keselamatan.

[illegible]

4.3.3 Prosedur Keselamatan

Sementara itu, Jadual 4.9 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan kesedaran responden terhadap prosedur keselamatan. Di dapati bahawa tahap kesedaran bagi faktor ini adalah tinggi iaitu dengan mencatatkan skor min 4.69. Berdasarkan analisis yang telah dibuat menunjukkan semua responden seramai 70 orang (100%) bersetuju bahawa setiap organisasi perlu ada peraturan keselamatan dan juga bersetuju bahawa mematuhi arahan yang diberikan sebelum memulakan kerja adalah penting untuk keselamatan pekerjaan. Manakala 69 orang (98.5%) menyatakan persetujuan bahawa mereka akan mematuhi semua peraturan keselamatan yang ditetapkan di tempat mereka dan juga bersetuju bahawa peraturan-peraturan keselamatan mestilah dapat difahami dengan mudah. Sementara itu seramai 68 orang (97.2%) mengatakan bahawa mereka sedar bahawa kegagalan mereka untuk mematuhi peraturan keselamatan boleh menyebabkan kecederaan kepada diri sendiri dan rakan sekerja.

Jadual 4.9: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Prosedur Keselamatan.

Bil	Item Soalan		STS	TS	TP	S	SS	MIN /SP
19	Saya tahu bahawa setiap organisasi perlu ada peraturan keselamatan.	(k)	-	-	-	25	45	4.64
		%	-	-	-	35.7	64.3	0.48
20	Saya akan mematuhi semua peraturan keselamatan yang ditetapkan di tempat saya.	(k)	-	-	1	26	43	4.60
		%	-	-	1.4	37.1	61.4	0.52
21	Peraturan-peraturan keselamatan mestilah dapat	(k)	-	-	1	26	43	4.60

	difahami dengan mudah.	%	-	-	1.4	37.1	61.4	0.52
22	Mematuhi arahan yang diberikan sebelum memulakan kerja adalah penting untuk keselamatan pekerja.	(k)	-	-	-	31	39	4.56
		%	-	-	-	44.3	55.7	0.50
23	Kegagalan saya mematuhi peraturan keselamatan boleh mengakibatkan kecederaan kepada saya dan rakan sekerja.	(k)	-	-	2	20	48	4.66
		%	-	-	2.9	28.6	68.6	0.54
	MIN KESELURUHAN							4.61
								0.44

4.3.4 Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKKP)

Sementara itu, Jadual 4.10 menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan kesedaran responden terhadap faktor Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKKP). Hasil daripada analisis menunjukkan bahawa kesedaran responden terhadap peranan dan kewujudan JKKKP adalah pada tahap yang rendah iaitu min skor hanya pada kadar 2.33. Kesedaran pada tahap yang rendah ini berlaku disebabkan oleh beberapa perkara. Pertamanya responden tidak pasti akan kewujudan JKKKP di tempat mereka dimana seramai 44 orang responden (62.9%) menyatakan sedemikian. Manakala selebihnya seramai 26 orang (37.1%) responden menyatakan bahawa JKKKP tidak wujud di tempat mereka. Seramai 41 orang (58.6%) responden tidak pasti kewujudan JKKKP di jabatan masing-masing dan dikuatkan lagi dengan 29 orang (41.4%) responden yang menyatakan bahawa mereka tidak sedar akan kewujudan JKKKP di jabatan mereka. Seterusnya seramai 35 orang (50%) responden menyatakan bahawa jabatan mereka tidak

mempunyai pegawai keselamatan dan kesihatan yang khusus dan bertugas sepenuh masa dan dengan jumlah yang sama juga menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada pegawai keselamatan dan kesihatan yang khusus bertugas sepenuh masa di tempat mereka. Seramai 39 orang (55.7%) responden tidak pasti sama ada JKKKP telah menjalankan tugasnya dengan sempurna dan selebihnya tidak bersetuju bahawa JKKKP telah menjalankan tugas dengan sempurna.

Jadual 4.10: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKKP).

Bil	Item Soalan		STS	TS	TP	S	SS	MIN /SP
24	JKKKP wujud di tempat saya.	(k)	15	11	44	-	-	2.41
		%	21.4	15.7	62.9	-	-	0.83
25	Saya sedar tentang kewujudan JKKKP di jabatan saya.	(k)	15	14	41	-	-	2.37
		%	21.4	20	58.6	-	-	0.82
26	Jabatan saya mempunyai pegawai K & K khusus yang bertugas sepenuh masa.	(k)	19	16	35	-	-	2.23
		%	27.1	22.9	50	-	-	0.85
27	JKKKP menjalankan tugasnya dengan sempurna.	(k)	17	14	39	-	-	2.31
		%	24.3	20	55.7	-	-	0.84
MIN KESELURUHAN								2.33
								0.79

4.3.5 Latihan

Untuk jadual 4.11 di bawah, ianya menunjukkan bahawa tahap kesedaran responden terhadap latihan. Didapati bahawa kesedaran responden terhadap kepentingan latihan dalam memastikan keselamatan pekerja terjamin adalah pada tahap tinggi iaitu dengan

mencatatkan min skor 4.43. Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila 70 orang (100%) responden mengatakan bahawa program latihan keselamatan adalah penting khususnya latihan pertolongan cemas dan 63 orang (90%) responden sedar bahawa mereka perlu mengikuti program latihan kecemasan. Sementara itu, 69 orang (98.5%) responden mengatakan bahawa program latihan keselamatan perlu didedahkan kepada semua staf dimana seramai 70 orang (100%) responden mengatakan bahawa latihan pertolongan cemas adalah penting untuk organisasi mereka. Manakala 66 orang (94.3%) responden mengatakan bahawa mereka sedar bahawa mereka perlu mengikuti latihan kecemasan.

Jadual 4.11: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Latihan.

Bil	Item Soalan		STS	TS	TP	S	SS	MIN /SP
28	Program latihan keselamatan adalah penting.	(k)	-	-	-	33	37	4.53
		%	-	-	-	47.1	52.9	0.50
29	Saya sedar saya perlu mengikuti program latihan keselamatan.	(k)	-	-	7	30	33	4.32
		%	-	-	10	42.9	47.1	0.65
30	Program latihan keselamatan perlu didedahkan kepada semua staf.	(k)	-	-	1	33	36	4.50
		%	-	-	1.4	47.1	51.4	0.53
31	Latihan pertolongan cemas adalah penting untuk organisasi ini.	(k)	-	-	-	33	37	4.47
		%	-	-	-	47.1	52.9	0.50
32	Saya sedar bahawa saya perlu mengikuti latihan pertolongan cemas.	(k)	-	-	4	28	38	4.34
		%	-	-	5.7	40.0	54.3	0.59

MIN KESELURUHAN	4.43
	0.50

4.3.6 Komitmen dan Sikap

Seterusnya Jadual 4.12 pula menunjukkan taburan kekerapan dan peratusan persepsi responden terhadap komitmen dan sikap. Analisis menunjukkan bahawa tahap komitmen dan sikap responden terhadap keselamatan dan kesihatan adalah tinggi iaitu pada kadar min skor 4.67. Ianya terbukti apabila kesemua responden iaitu 70 orang (100%) mengatakan bahawa kecuaiannya dalam menjaga keselamatan akan membahayakan diri sendiri, pelajar dan rakan sekerja juga mereka patut bekerja berhati-hati dan akan sentiasa memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan. Manakala 66 orang (94.3%) responden mengatakan persetujuan mereka bahawa keselamatan pekerjaan mestilah diutamakan. Akhir sekali terdapat seramai 69 orang (98.5%) responden bersetuju bahawa mereka tidak akan merokok ditempat larangan merokok untuk keselamatan semua orang yang bekerja.

Jadual 4.12: Taburan Kekerapan dan Peratusan Persepsi Responden Terhadap Komitmen dan Sikap

Bil	Item Soalan		STS	TS	TP	S	SS	MIN /SP
33	Keselamatan pekerjaan (k)	-	-	4	16	50	4.67	
	mestilah diutamakan. %	-	-	5.7	22.9	71.4	0.47	
34	Kecuaian saya dalam menjaga keselamatan akan membahayakan diri sendiri, (k)	-	-	-	21	49	4.67	
	pelajar dan rakan sekerja. %	-	-	-	30.0	70.0	0.47	

responden terhadap					
keselamatan dan	(k)	12	9	33	16
kesihatan pekerjaan.	(%)	17.1	12.9	47.1	22.9

4.4 Tahap Kesedaran Keseluruhan Terhadap Keselamatan dan Kesihatan

Akhir sekali Jadual 4.14 menunjukkan taburan min skor bagi setiap item kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan. Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa pensyarah di KPM mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap aspek polisi keselamatan, prosedur keselamatan dan juga komitmen dan sikap pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan dengan 100% responden mempunyai kesedaran yang tinggi. Manakala untuk aspek pengetahuan mereka tentang Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP 1994) menunjukkan ianya berada di tahap yang tinggi iaitu 95.71% begitu juga dengan aspek latihan keselamatan. Dapatan kajian juga mendapati pensyarah KPM mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap JKPP apabila didapati tiada seorang responden yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap JKPP. Kesemua responden hanya mempunyai kesedaran yang sederhana (58.57%) dan rendah (41.43%). Ini perlu di ambil perhatian kerana item ini merupakan faktor yang penting dalam menentukan keselamatan dan kesihatan perkerjaan lebih terjamin.

Jadual 4.14: Min Skor Bagi Setiap Item Kesedaran Pensyarah KPM terhadap Keselamatan dan Kesihatan

Bil	FAKTOR		REDAH	SEDERHANA	TINGGI
1	AKKP 1994	(k)	-	3	67
		(%)	-	4.29	95.71
2	POLISI	(k)	-	-	70
		(%)	-	-	100

3	PROSEDUR	(k)	-	-	70
		(%)	-	-	100
4	JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN	(k)	29	41	-
		(%)	41.43	58.57	-
5	LATIHAN	(k)	-	3	67
		(%)	-	4.29	95.71
6	KOMITMEN DAN SIKAP	(k)	-	-	70
		(%)	-	-	100

4.5 Hubungan Antara Faktor Demografi dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

Berdasarkan Jadual 4.15 di bawah, menunjukkan ujian-t ke atas min skor setiap faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pensyarah lelaki dan pensyarah perempuan. Hasil analisis menunjukkan min skor kedua-dua kumpulan tidak berbeza secara signifikan kerana nilai p adalah lebih besar daripada 0.05 untuk faktor AKKP 1994 ($t = 0.317$, $p = 0.752$), polisi keselamatan ($t = -0.269$, $p = 0.789$), prosedur keselamatan ($t = 0.759$, $p = 0.450$), latihan keselamatan ($t = 1.115$, $p = 0.269$) dan sikap dan komitmen ($t = -0.319$, $p = 0.697$). Manakala untuk faktor JKKKP di dapati berdasarkan ujian-t yang dijalankan untuk melihat perbezaan skor min yang mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi pensyarah lelaki dan perempuan menunjukkan min skor kedua-dua kumpulan adalah berbeza secara signifikan kerana nilai p adalah lebih kecil daripada 0.05 ($t = -2.129$, $p = 0.037$).

Jadual 4.15 Hubungan Antara Faktor Jantina Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

	Jantina	Min	Sisihan Piawai	Ujian-t	Signifikan- p
AKKP	Lelaki	4.44	0.498	0.317	0.752
	Perempuan	4.40	0.543		
Polisi Keselamatan	Lelaki	4.66	0.457	-0.269	0.789
	Perempuan	4.69	0.480		
Prosedur Keselamatan	Lelaki	4.68	0.453	0.759	0.450
	Perempuan	4.59	0.439		
JKKKP	Lelaki	1.99	0.868	-2.129	0.037
	Perempuan	2.44	0.740		
Latihan Keselamatan	Lelaki	4.55	0.472	1.115	0.269
	Perempuan	4.40	0.514		
Sikap dan Komitmen	Lelaki	4.64	0.449	-0.391	0.697
	Perempuan	4.70	0.389		

Berdasarkan keputusan ujian anova (Jadual 4.16) yang dijalankan untuk melihat perbezaan skor min berkenaan tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi semua faktor-faktor yang mempengaruhi dengan umur responden, menunjukkan bahawa AKKP ($F = 1.573$, $p = 0.204$), polisi keselamatan ($F = 0.577$, $p = 0.632$), prosedur keselamatan ($F = 2.44$, $p = 0.072$), JKKKP ($F = 2.53$, $p =$

0.064), latihan keselamatan ($F = 2.171$, $p = 0.100$) dan sikap dan komitmen ($F = 0.548$, $p = 0.651$) adalah tidak signifikan kerana nilai p adalah lebih besar daripada 0.05. Keputusan ujian di atas menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min berkenaan dengan tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan dengan faktor umur responden.

Jadual 4.16 Hubungan Antara Faktor Umur Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

	Umur	N	Min	df	F	Sig. p
AKKP	Bawah 25	12	4.32	3	1.573	0.204
	26 – 30	18	4.57			
	31 – 40	29	4.29			
	Atas 41	11	4.58			
Polisi Keselamatan	Bawah 25	12	4.73	3	0.577	0.632
	26 – 30	18	4.76			
	31 – 40	29	4.68			
	Atas 41	11	4.53			
Prosedur Keselamatan	Bawah 25	12	4.42	3	2.44	0.072
	26 – 30	18	4.82			
	31 – 40	29	4.59			
	Atas 41	11	4.53			
JKKKP	Bawah 25	12	2.35	3	2.53	0.064
	26 – 30	18	1.92			

	31 – 40	29	2.49			
	Atas 41	11	2.57			
Latihan	Bawah 25	12	4.42	3	2.171	0.100
Keselamatan	26 – 30	18	4.68			
	31 – 40	29	4.30			
	Atas 41	11	4.40			
Sikap dan	Bawah 25	12	4.75	3	0.548	0.651
Komitmen	26 – 30	18	4.73			
	31 – 40	29	4.61			
	Atas 41	11	4.62			

Berdasarkan keputusan ujian anova (Jadual 4.17) yang dijalankan untuk melihat perbezaan skor min berkenaan tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi semua faktor-faktor yang mempengaruhi dengan tempoh perkhidmatan responden, menunjukkan bahawa AKKP ($F = 2.564$, $p = 0.062$), polisi keselamatan ($F = 1.366$, $p = 0.261$), prosedur keselamatan ($F = 0.827$, $p = 0.484$), latihan keselamatan ($F = 2.166$, $p = 0.100$) dan sikap dan komitmen ($F = 1.471$, $p = 0.230$) adalah tidak signifikan kerana nilai p adalah lebih besar daripada 0.05. Manakala untuk faktor JKPP, keputusan ujian anova menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan di mana nilai p adalah lebih kecil daripada 0.05 di mana ($F = 3.547$, $p = 0.019$). Keputusan ujian di atas menunjukkan hanya faktor JKPP yang menunjukkan terdapat perbezaan skor min berkenaan dengan tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan dengan tempoh perkhidmatan responden. Untuk faktor-faktor yang lain iaitu AKKP, polisi keselamatan, prosedur keselamatan, latihan dan sikap dan komitmen,

keputusan ujian jelas menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan min skor yang signifikan kerana nilai p nya adalah lebih besar daripada 0.05.

Jadual 4.17 Hubungan Antara Faktor Tempoh Berkhidmat Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

	Umur	N	Min	df	F	Sig.
AKKP	Bawah 3	27	4.40	3	2.564	0.062
	4 – 10	23	4.23			
	11 – 20	17	4.60			
	Atas 21	3	4.87			
Polisi Keselamatan	Bawah 3	27	4.76	3	1.366	0.261
	4 – 10	23	4.55			
	11 – 20	17	4.69			
	Atas 21	3	5.00			
Prosedur Keselamatan	Bawah 3	27	4.63	3	0.827	0.484
	4 – 10	23	4.51			
	11 – 20	17	4.67			
	Atas 21	3	4.87			
JKKKP	Bawah 3	27	2.21	3	3.547	0.019
	4 – 10	23	2.10			
	11 – 20	17	2.84			
	Atas 21	3	2.33			

Latihan	Bawah 3	27	4.54	3	2.166	0.100
Keselamatan	4 – 10	23	4.30			
	11 – 20	17	4.36			
	Atas 21	3	4.93			
Sikap dan	Bawah 3	27	4.73	3	1.471	0.230
Komitmen	4 – 10	23	4.57			
	11 – 20	17	4.65			
	Atas 21	3	5.00			

Berdasarkan Jadual 4.18 di bawah, menunjukkan ujian-t ke atas min skor setiap faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi tempat bertugas. Hasil analisis menunjukkan min skor kedua-dua kumpulan tidak berbeza secara signifikan kerana nilai p adalah lebih besar daripada 0.05 untuk faktor AKKP 1994 ($t = 0.511$, $p = 0.611$), polisi keselamatan ($t = -0.682$, $p = 0.497$), prosedur keselamatan ($t = 0.503$, $p = 0.617$), JKKKP ($t = 1.803$, $p = 0.076$) latihan keselamatan ($t = 0.061$, $p = 0.952$) dan sikap dan komitmen ($t = -0.887$, $p = 0.378$). Keputusan ujian-t menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi min skor kedua-dua tempat bertugas iaitu KPM Ayer Molek dan KPM Bandar Melaka.

Jadual 4.18 Hubungan Antara Faktor Tempat Berkhidmat Responden dan Tahap Kesedaran Responden Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

	Tempat berkhidmat	Min	Sisihan Piawai	Ujian-t	Signifikan- p
AKKP	KPM AM	4.44	0.551	0.511	0.611
	KPM BM	4.37	0.501		
Polisi Keselamatan	KPM AM	4.72	0.457	0.682	0.497
	KPM BM	4.64	0.480		
Prosedur Keselamatan	KPM AM	4.63	0.432	0.503	0.617
	KPM BM	4.58	0.462		
JKKKP	KPM AM	2.47	0.680	1.803	0.076
	KPM BM	2.12	0.916		
Latihan Keselamatan	KPM AM	4.44	0.515	0.061	0.952
	KPM BM	4.43	0.498		
Sikap dan Komitmen	KPM AM	4.70	0.376	0.887	0.378
	KPM BM	4.61	0.440		

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang dapatan, kesimpulan dan masalah kajian, cadangan dan penutup.

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Kedua, untuk menentukan faktor-faktor yang dominan terhadap tahap kesedaran pensyarah KPM dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ketiganya untuk melihat hubungan antara faktor-faktor demografi dan tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Akhir sekali, yang keempat adalah mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada kalangan pensyarah yang bertugas di dua cawangan KPM iaitu Ayer Molek dan Bandar Melaka. Seramai 70 orang pensyarah kesemuanya telah terlibat sebagai responden dalam kajian ini. Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) for MS Windows Release 16.0*. Kaedah analisis data yang telah digunakan adalah berbentuk deskriptif seperti kekerapan, peratus dan min untuk menerangkan demografi responden dan penilaian tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan.

Secara umumnya, semua responden yang dilibatkan adakan berjawatan pensyarah sahaja. Manakala majoriti responden adalah terdiri daripada perempuan (75.7%) dan dari segi umur pula, responden kebanyakan berusia di antara 31 hingga 40 tahun iaitu 41.4% serta mereka yang mempunyai tempoh perkhidmatan di bawah 3 tahun (38.6%).

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Untuk proses melengkapkan kajian ini, perbincangan dapatan kajian menjurus kepada keempat-empat objektif tersebut telah berjaya dicapai secara keseluruhannya.

5.2.1 Tahap Kesedaran Pensyarah KPM Terhadap Aspek Keselamatan dan Kesihatan

Objektif utama bagi kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ianya sangat penting kerana tahap kesedaran yang diukur merupakan kunci utama kepada kajian dan juga boleh dijadikan sebagai ukuran untuk melihat kesahan data-data yang diperolehi bagi mengukur objektif-objektif seterusnya.

5.2.1.1 Penilaian Tahap Kesedaran Pensyarah Terhadap Keselamatan dan Kesihatan Secara Umum

Komponen kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan yang dikaji adalah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP), polisi, prosedur, latihan, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKKKP) dan komitmen. Setelah data-data dianalisis, hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan apabila mencatatkan min skor keseluruhan 4.19

Apabila diteliti dengan lebih dekat didapati bahawa tahap kesedaran responden terhadap polisi keselamatan dan kesihatan adalah menunjukkan aras kesedaran yang tinggi apabila mencatatkan nilai min skor 4.69. Sementara itu, tahap kesedaran yang terendah adalah bagi faktor JKKKP apabila hanya mencatatkan nilai min pada kadar rendah dengan nilai min skor 2.33. Namun begitu, dapatan kajian juga secara jelas menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap AKKP, prosedur, latihan dan sikap dengan keselamatan dan kesihatan apabila masing, masing mencatatkan min skor 4.41, 4.61, 4.43 dan 4.67.

Kesedaran responden yang tinggi terhadap polisi keselamatan ini telah dibuktikan oleh hasil dari kajian ini apabila 94.3% responden mengatakan bahawa setiap organisasi perlu mempunyai dasar keselamatan di tempat kerja dan 100% responden pula mengatakan bahawa dasar tersebut perlu jelas dan hendaklah dimaklumkan kepada semua staf.

Akan tetapi, walaupun responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap polisi keselamatan dan kesihatan tetapi kesedaran mereka terjejas apabila 55.7% responden iaitu seramai 39 orang menyatakan bahawa mereka tidak pasti sama ada JKKKP telah menjalankan tugasnya dengan sempurna dan selebihnya (44.3%) mengatakan bahawa JKKKP tidak menjalankan tugas dengan sempurna. Selain itu, terdapat 58.6% responden tidak pasti kewujudan JKKKP di jabatan mereka dan yang lebih mengecewakan apabila 50% orang responden mengatakan bahawa jabatan mereka tidak mempunyai pegawai keselamatan dan kesihatan yang khusus dan bertugas sepenuh masa di tempat mereka. Walaupun begitu, hal yang mungkin memberikan impak yang besar ialah apabila seramai 44 orang (62.9%) responden tidak pasti akan hakikat kewujudan JKKKP di tempat mereka. Oleh sebab itu, sudah seharusnya JKKKP mencari jalan penyelesaian terhadap masalah ini agar penyertaan-penyertaan daripada responden dalam setiap aktiviti yang

dianjurkan akan memberi impak yang besar terutamanya dalam meningkatkan tahap kesedaran pensyarah terhadap aspek keselamatan dan kesihatan.

Hasil daripada analisis juga secara jelas menunjukkan bahawa walaupun responden tidak menyedari akan kewujudan JKPP di tempat mereka tetapi sebenarnya 70 orang (100%) responden mengatakan bahawa program latihan keselamatan adalah penting dan 98.5% responden mengatakan bahawa program latihan keselamatan perlu didedahkan kepada semua staf dan 100% responden percaya bahawa latihan pertolongan cemas adalah penting untuk organisasi mereka.

Walaupun demikian, responden sebenarnya menyedari bahawa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mestilah diutamakan apabila kesemua responden (100%) mengatakan bahawa kecuaiannya dalam menjaga keselamatan akan membahayakan diri sendiri, pelajar dan rakan sekerja dan juga mengatakan bahawa mereka patut berhati-hati semasa bekerja dan harus memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan. Sementara itu seramai 66 orang (94.3%) responden mengatakan persetujuan mereka bahawa keselamatan pekerjaan mestilah diutamakan. Begitu juga dengan kenyataan bahawa mereka tidak akan merokok di tempat larangan merokok untuk keselamatan semua orang yang bekerja mewakili 98.5% responden.

Akhir sekali terdapat 47.1% responden mengatakan bahawa tahap kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan adalah baik dan 12.9% responden pula mengatakan tahap kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan adalah pada tahap sederhana. Seramai 22.9% responden mengatakan mereka berada di tahap yang cemerlang dan 17.1% responden mengatakan tahap kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah lemah.

Oleh sebab itu, daripada hasil analisis kajian ini dapat dilihat bahawa tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan adalah tinggi dan mereka juga menyedari bahawa menjaga keselamatan dan kesihatan di tempat kerja adalah penting. Walau bagaimanapun kesedaran responden terhadap JKKKP adalah pada tahap rendah dan hal ini wajar diberi perhatian yang serius bagi memastikan peranan JKKKP sebagaimana yang termaktub dalam Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PKKP) (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan) 1996 dapat dicapai dengan cemerlang.

5.2.1.3 Rumusan Analisis Objektif Pertama

Analisis-analisis yang telah dijalankan jelas menunjukkan bahawa pensyarah KPM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan. Ini telah dapat dibuktikan dengan kesemua responden yang mewakili kolej telah mencatatkan min skor di antara 3.68 hingga 5.00 iaitu peringkat min skor yang menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 3. Walau bagaimanapun tahap kesedaran yang tinggi ini tidak dapat dicapai menerusi JKKKP dimana hanya mencatatkan min skor yang rendah iaitu 2.33 di mana ini mungkin disebabkan kurang pendedahan terhadap JKKKP. Kebanyakan pensyarah tidak menyedari akan kewujudan JKKKP di tempat mereka mungkin kerana kurangnya aktiviti-aktiviti berkaitan JKKKP dilaksanakan di tempat mereka.

Selain daripada itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa tahap kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan antara responden lelaki dan perempuan adalah di tahap yang seimbang. Namun begitu secara jelas kajian ini menunjukkan bahawa pensyarah yang telah lama berkhidmat menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan dengan pensyarah yang baru berkhidmat.

Kesimpulannya, hasil daripada analisis dan kajian yang dibuat jelas menunjukkan bahawa tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan adalah pada tahap yang tinggi keseluruhannya melalui komponen-komponen yang dikaji. Selain itu, didapati juga bahawa tahap kesedaran ini sebenarnya tidak dipengaruhi oleh faktor-faktor demografi. Oleh itu, daripada analisis ini didapati kemungkinan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan ini dipengaruhi oleh faktor sikap, minat dan juga inisiatif sendiri responden.

5.2.2 Faktor-faktor Dominan Yang Mempengaruhi Tahap Kesedaran Pensyarah KPM Dalam Aspek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Bagi objektif yang kedua ini, penyelidik mahu melihat apakah faktor dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Hasil daripada analisis yang dibuat, faktor yang paling dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran staf terhadap keselamatan dan kesihatan adalah polisi keselamatan, prosedur keselamatan dan juga komitmen dan sikap dimana mencatatkan skor min yang tertinggi iaitu 100%. Sementara itu, faktor dominan yang seterusnya adalah AKKP 1994 dan latihan di mana kedua-duanya mencatatkan 95.71% untuk skor min yang tertinggi. Walau bagaimanapun JKPP adalah merupakan faktor yang tidak dominan dalam mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan apabila 58.57% responden mengatakan tahap kesedaran mereka berada pada tahap sederhana dan 41.43% pula pada tahap yang rendah.

Justeru itu, daripada analisis yang telah dijalankan dengan jelas menunjukkan terdapat tiga faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan iaitu polisi keselamatan, prosedur keselamatan dan juga komitmen dan sikap yang mendapat 100% bagi min skor yang tinggi. Disebabkan oleh itu, pihak KPM dan MARA perlu merancang pelbagai program dalam usaha

meningkatkan kesedaran pensyarah dalam faktor-faktor yang lain khususnya JKPP agar tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan secara keseluruhannya dapat dipertingkatkan lagi.

5.2.3 Hubungan Antara Faktor-faktor Demografi dan Tahap Kesedaran Pensyarah KPM Terhadap Keselamatan dan Kesihatan.

Objektif ketiga yang di bincangkan adalah bertujuan untuk melihat sejauhmana hubungan antara faktor-faktor demografi dan tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan. Melalui hasil analisis yang telah dijalankan, di dapati bahawa untuk faktor demografi jantina, hanya faktor JKPP menunjukkan perbezaan min skor yang signifikan dimana nilai ujian t ($t = -2.129$, $p = 0.037$) di mana nilai p adalah lebih kecil daripada 0.05. Begitu juga dengan faktor tempoh perkhidmatan, di mana faktor JKPP juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara tempoh perkhidmatan dengan JKPP di mana nilai $p = 0.019$ iaitu lebih kecil daripada 0.05. Manakala untuk faktor-faktor yang lain seperti AKPP, polisi keselamatan, prosedur keselamatan, latihan dan sikap dan komitmen tidak terdapat perbezaan yang signifikan di mana nilai p adalah lebih besar dari 0.05. Selain itu, untuk faktor umur dan tempat bertugas melalui ujian- t dan anova sehala di dapati bahawa tidak terdapat perbezaan min skor yang signifikan untuk semua faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesedaran responden di mana nilai p adalah lebih besar daripada 0.05. Dapatan kajian ini ada menunjukkan sedikit perbezaan dengan dapatan kajian yang telah dilaksanakan oleh Ramlan (1997) apabila dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara faktor individu dan program latihan dengan tahap kesedaran pekerja. Perbezaan dapatan kajian ini terjadi kerana kajian yang dijalankan menggunakan elemen dan faktor pengujian yang berlainan serta terdapat perbezaan antara persekitaran tempat kajian diadakan.

5.3 Rumusan

Secara keseluruhannya, penyelidikan ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan adalah tinggi. Kesimpulan ini dibuat berdasarkan kepada hasil penyelidikan yang dibuat seperti berikut:

Pertama, penilaian terhadap tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi. Ini adalah berdasarkan kepada min skor yang diperolehi daripada keseluruhan faktor yang dikaji menunjukkan tahap kesedaran responden adalah berada di tahap yang tinggi iaitu melebihi 3.68 kecuali kesedaran responden terhadap JKKKP berada pada tahap yang rendah iaitu mencatatkan hanya 2.33 untuk min skor. Dengan itu, jelas terlihat bahawa responden merasakan bahawa mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan dan kesihatan adalah penting, jika tidak pastinya mereka mencatatkan tahap kesedaran di tahap sederhana dan rendah sahaja.

Kedua, penilaian faktor dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran pensyarah KPM terhadap keselamatan dan kesihatan pula menunjukkan terdapat tiga faktor yang paling dominan dalam mempengaruhi tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Faktor-faktor itu termasuklah polisi keselamatan, prosedur keselamatan dan juga sikap dan komitmen di mana masing-masing mencatatkan 100% bagi min skor yang tertinggi. Begitu juga dua lagi faktor yang mencatatkan 95.71% iaitu AKKP 1994 dan aspek latihan. Walaupun begitu, faktor JKKKP telah mencatatkan 58.57% untuk sederhana dan 41.43% untuk peratus yang rendah. Ini jelas menunjukkan bahawa JKKKP bukanlah faktor yang dominan yang mempengaruhi tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan.

meningkatkan tahap kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan. Ini disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Anuar, Zahedi, Kadir dan Mokhtar(2009) menunjukkan bahawa latihan keselamatan yang diberikan kepada pekerja dapat meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan dan mematuhi prosedur pengoperasian kerja yang selamat. Selain itu latihan keselamatan ini juga adalah sangat penting kerana Seksyen 15 (2) (c), AKKP 1994 menyatakan mengadakan maklumat, arahan, latihan dan penyediaan sebagaimana yang perlu untuk memastikan setakat yang praktik, keselamatan, dan kesihatan pekerja yang sedang bekerja. Selain itu, Davies dan Tomasin (1996) menyatakan latihan keselamatan yang berkesan akan dapat meningkatkan pengurusan keselamatan seseorang itu. Akhirnya menurut Hipze (1997), sekiranya semua pekerja melibatkan diri dalam latihan keselamatan, maka kerja yang ingin dijalankan dapat dilaksanakan secara berkualiti dan mewujudkan kesedaran terhadap keselamatan.

- b. Menambahkan kempen-kempen kesedaran tentang keselamatan. Ini adalah kerana melalui kempen-kempen kesedaran tersebut ia akan dapat menyampaikan informasi berguna tentang kepentingan keselamatan dan kesihatan. Ianya bersesuaian dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Rampal, Mohd Nizam, Zulfa Azlin dan Noor Hassim(2004) yang menunjukkan bahawa kempen yang berterusan dapat meningkatkan kesedaran pekerja terhadap keselamatan dan kesihatan. Selain itu ia turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ramlan (1997) yang menunjukkan bahawa pihak organisasi yang selalu menyebarkan dasar dan peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pekerja secara kerap boleh menimbulkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada mereka.

- c. Seterusnya dicadangkan juga agar pihak JKKKP KPM untuk mengadakan program-program keselamatan secara berterusan dan berkala. Ianya selari dengan dapatan kajian ini di mana jelas telah menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap JKKKP dan juga program-program anjurannya. Menurut satu kajian yang dijalankan oleh JKPP (2000) didapati jawatankuasa keselamatan dan kesihatan pekerjaan sangat diperlukan bagi memainkan peranan dan tanggungjawab keselamatan dan kesihatan pekerjaan disamping itu ia juga untuk memastikan wujudnya kemajuan berterusan didalam menangani isu keselamatan pekerjaan. Begitu juga Pierce (1998) mendapati bahawa majikan perlu mengutamakan keselamatan didalam sesebuah organisasi, oleh itu jawatankuasa keselamatan terdiri daripada pekerja-pekerja dan wakil majikan diperlukan untuk memperbaiki dan menyedarkan pekerja tentang program keselamatan. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk membuat kajian dan penelitian terhadap tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- d. Menyebarkan maklumat keselamatan dan kesihatan melalui JKKKP. JKKKP hendaklah lebih efisien dalam menyampaikan maklumat kepada semua pihak. Ini penting untuk memberitahu kepada mereka akan kewujudan JKKKP di tempat kerja. Selain dari itu, program-program keselamatan dan kesihatan perlulah diadakan selalu supaya semua pihak dapat melibatkan diri secara langsung dan tidak langsung dan seterusnya meningkatkan kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- e. Polisi dan prosedur perlu disebar kepada semua pensyarah baru dan lama. Atau lebih tepat lagi, semasa mereka menjalani kursus induksi supaya kesedaran mereka terhadap keselamatan dan kesihatan adalah tinggi. Ini adalah penting untuk memastikan semua pensyarah yang bekerja di Insituti Pengajian Tinggi

- b. Menjalankan kajian yang sama kepada semua IPMA yang ada untuk melihat dengan lebih jelas tahap kesedaran pensyarah terhadap keselamatan dan kesihatan.
- c. Kajian ini juga boleh dipanjangkan untuk melihat tahap kesedaran semua kakitangan IPMA contohnya kakitangan sokongan. Dimana boleh dibuat perbandingan tahap kesedaran di antara kakitangan sokongan dan pensyarah.
- d. Menjalankan kajian ke atas institusi kemahiran MARA contohnya seperti Institut Kemahiran MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan GiatMARA. Ini adalah kerana mereka ini lebih terdedah kepada isu keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan.
- e. Menambahkan item-item soalan kajian di dalam soal-selidik agar tahap kesedaran responden terhadap keselamatan dan kesihatan dapat diperolehi dengan tepat dan jitu.
- f. Akhir sekali, disebabkan kajian ini hanya menumpukan kepada aspek keselamatan sahaja, adalah lebih elok untuk kajian akan datang pengkaji menumpukan kepada aspek keselamatan dan kesihatan. Sebagai contoh, membuat kajian terhadap kerja yang berisiko tinggi terdedah kepada masalah kesihatan seperti penggunaan komputer secara berterusan.

RUJUKAN

- Ab. Aziz (2006) "Pengurusan Sumber Manusia: Konsep, Isu dan Pelaksanaannya." Edisi Ketiga, Petaling Jaya: Prentice Hall
- Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514)
- Alex Yong (2007) "Malaysian Human Resource Management," New Revised Edition Kuala Lumpur, Malaysian Institute of Management
- Anton, T.J. (1989) "Occupational Safety and Health Management." New York: Mc Graw Hill.
- Anuar I., Zahedi F., Kadir A. dan Mokhtar A.B. (2009) "Tahap Pengetahuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Kalangan Pekerja di Makmal Perubatan di Lembah Klang." *Journal of Community Health* Vol 15 No 2, 35-42
- Chabo, C. (1991). "Occupational Health and Safety Issues: Workers' View."
- Davies, V.J., Tomasin, K. (1996). "Construction Safety Handbook." London: Thomas Telford Ltd.
- Flynn, G. (1994). "Company Strive for Yawn-Free Safety Awareness." *Personal Journal*, Jun, Vol 73 Issues 7
- Fong Chan Onn (2000). "Teks Ucapan Pelancaran Kempen Bulan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan" Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia
- Fong Chan Onn (2002). "Teks Ucapan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Untuk Pemilik dan Penyelia Ladang Ternakan Haiwan" Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia
- Gary Dessler (2009) "Fundamental of Human Resource Management, Content, Competencies & Application." New Jersey Prentice Hall
- Goetsch, D.L. (2005). "Occupational Safety and Health for Technologies, Engineers and Managers." New Jersey: Prentice Hall

- Harper, R.S. and Koehn, E. (1998). "Managing Industrial Construction Safety in Southeast Texas." *Journal of Construction Engineering and Management*, ASCE Nov/Dec 1998, 452-547.
- Hinze, J.W. (1997). "Construction Safety." Columbus, Ohio: Prentice Hall
- Hu, S.C., Lee, C.C., Shiao J.S.C. and Guo, Y.L. (1998). "Employers' Awareness and Compliance with Occupational Health and Safety Regulations in Taiwan." *Occupational Medical Volume 48 No 1*, 17-22
- Ivancevich, J.M. (2001). "Human Resource Management." Boston: Irwin
- Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (2000). Malaysia: Kementerian Sumber Manusia
- Joseph F., Arthur H., Phillip S., and Mike, P. (2007). "Research Methods for Business." West Sussex, England: Wiley & Sons Ltd.
- Kamus Dewan (2005). Edisi Keempat Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kamus Pelajar (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Landy, J.C (1987). "Psychology: The science of people." Eaglewood Cliff: Prentice Hall Inc.
- Lee Lam Thye (1999). "Usah Abai Keselamatan." *Berita Harian*. 11hb Oktober 1999
- Mondy, R.W., dan Noe, R.M. (1993). "Human Resources Management." Edisi Ke-5, Boston: Allyn and Bacon
- Musonda, I. and Smallwood, J. (2008) "Health and Safety (H & S) Awareness and Implementation in Botswana's Construction Industry." *Journal of Engineering, Design and Technology*, Volume 6 No 1, 81-90
- National Institute of Occupational Safety and Health (2000). "Comprehensive Safety Recommendations." United Kingdom: NIOSH
- National Safety Council (1991). "Safety Awareness." United States of America: Brochure
- Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO 2010), Malaysia. "Laporan Tahunan 2009" Kementerian Sumber Manusia.

Pierce, F.D. (1998). "Does Organizational Streamlining Hurt Safety and Health?." Professional Safety

Ramlan Zainal Abidin (1997). "Latihan Dalam Bidang Keselamatan dan Kesan Terhadap Kesedaran Keselamatan Di Tempat Kerja: Satu Kajian Di Kilang X (M) Sdn. Bhd." Projek Sarjana Pengurusan Teknologi: Universiti Teknologi Malaysia. Tidak Diterbitkan

Rampal, K.G., Mohd Nizam J., Zulfa Azlin Z., dan Noor Hassim I. (2004). "Awareness of Occupational Safety and Health Act 1994 – Ten Years after Enactment." Jurnal Kesihatan Masyarakat Isu Khas

Zafir M.M & Fazilah M.H (2003) "Mengurus Sumber Manusia." Edisi Pertama. Cheras, Kuala Lumpur Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.

Hak Milik MARA